# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

20 MAC 2019
RABU

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
| --- | --- | --- |
| BERITA HARIAN | SUNGAI KIM KIM BEBAS SISA KIMIA BERBAHAYA | 2 |
| KOSMO | SUNGAI MASAI MANGSA TERBAHARU | 3 |
| THE STAR | ONLY THE TIP OF THE ICE BERG | 4 |
| NEW STRAITS TIMES | BLUE BARRELS NEAR SUNGAI MASAI UNNERVE RESIDENTS | 5 |
| UTUSAN MALAYSIA | LOKASI PEMBUANGAN TOKSIK BAHARU DIBERSIHKAN | 6 |
| HARIAN METRO | RISAU PENYAKIT SERIUS | 7 |
| SINAR HARIAN | SUNGAI MASAI PULA TERCEMAR | 8 |



# BERITA HARIAN

BH 20/3/19

**PENCEMARAN ALAM SEKITAR**

# Sungai Kim Kim bebas sisa kimia berbahaya

➔ Pemantauan diteruskan selama 15 hari lagi

**Oleh Mohamed Farid Noh**
farid_noh@bh.com.my

**Pasir Gudang**

[FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM/BH]



***Bee Yin membuat lawatan ke Sungai Kim Kim** di Pasir Gudang, semalam, sambil diiringi Pengarah JAS Johor, Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh (kiri).*

Kawasan Sungai Kim Kim sejauh 1.5 kilometer (km) yang tercemar dengan sisa kimia berbahaya sejak 7 Mac lalu, kini disahkan selamat, kata Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.

Beliau berkata, pengesahan itu diberikan berikutan tiada gas berbahaya dikesan di sungai berkenaan, selepas kerja pembersihan dimulakan sejak lima hari lalu selesai.

Susulan itu katanya, beliau akan turun ke lokasi tercemar selepas ini tanpa memakai penutup hidung dan mulut, bagi membuktikan Sungai Kim Kim selamat.

"Bagaimanapun, pemantauan di Sungai Kim Kim akan terus dijalankan sehingga 15 hari lagi, bagi memastikan kualiti udara di situ benar-benar bebas gas berbahaya.

**Bersihkan air sungai**

"Sejumlah 1,500 tan air sungai dan 900 tan enap cemar dengan sisa kimia berbahaya sudah dibersih dan akan dilupuskan dari Sungai Kim Kim.

"Hanya 490 lagi beg jumbo sisa kimia tercemar masih ada di lokasi dan akan dilupuskan di kilang yang dilesenkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan sisa akhirnya akan diserahkan kepada JAS bagi pelupusan akhir," katanya pada sidang media di Sungai Kim Kim, di sini, semalam.

**Jejas 4,000 penduduk**

Pencemaran toksik di Sungai Kim Kim yang berlarutan sejak 7 Mac lalu menjejaskan kira-kira 4,000 penduduk, termasuk pelajar sekolah sehingga 111 sekolah di sini, diarahkan ditutup sementara.

Sementara itu, Bee Yin berkata, laporan penuh termasuk kaedah pembersihan dan kualiti udara akan diumumkan pada sidang media hari ini.

"Saya juga akan membentangkan laporan pencemaran sisa kimia di dua lokasi baharu di Sungai Sembilang dan Sungai Masai, esok (hari ini) selepas memperincikan laporan JAS, selain bila dalang pencemaran Sungai Kim Kim akan didakwa" katanya.



KOSMO

# Sungai Masai mangsa terbaharu

Oleh SHARKAWI LONDING
dan MOHD. IZUAN ROSELI

**PASIR GUDANG** – Hidup ratusan penduduk Kampung Pasir Gudang Baru di sini dilanda kebimbangan selepas pihak berkuasa mengesahkan 20 tong biru yang ditemui berhampiran Sungai Masai kelmarin mengandungi bahan kimia yang boleh mengancam nyawa.

Sungai Masai terletak kira-kira 12 kilometer dari Sungai Kim Kim di sini yang kini menjadi tumpuan ekoran perbuatan tidak bertanggungjawab pihak tertentu membuang sisa toksik di situ hingga mengakibatkan lebih 4,000 penduduk menjadi mangsa manakala 111 buah sekolah terpaksa ditutup.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, lebih 20 petugas berpakaian keselamatan dari Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kimia dan kontraktor pembersihan sedang giat menjalankan kerja-kerja pembersihan di Sungai Masai bagi mengelakkannya daripada merebak.





NURUL SUHADAH TAHA

Lokasi sungai itu terletak bersebelahan Lebuh Raya Pasir Gudang menghala ke Johor Bahru.

Lebih mengejutkan apabila kebanyakan nelayan di kampung itu telah tertipu kerana menyangkakan selama ini pencemaran sungai itu disebabkan oleh sisa kumbahan.

Seorang penduduk, Nurul Suhadah Abdullah, 32, berkata, keadaan air di sungai itu memang hitam dan adakalanya mengeluarkan bau busuk.

"Saya berpindah ke sini bersama suami sejak 10 tahun lalu dan pada masa itu sungai di sini sudah tercemar namun kebelakangan ini bertambah teruk.

"Sekarang memang rasa tak selamatlah sebab tidak tahu apa di dalam tong itu," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, seorang nelayan, Taha Mokmen, 79, pula memberitahu, keadaan yang teruk itu memaksa nelayan keluar daripada kawasan sungai untuk mendapatkan hasil laut yang lebih lumayan.

"Saya jadi nelayan sejak 1968 dan keadaannya jauh berbeza dengan sekarang. Pencemaran memang ada tetapi tak sangka libatkan bahan kimia.

"Kalau sisa kumbahan memang kita tahu tapi melibatkan sisa kimia risau juga. Patutlah ikan semua tidak naik," katanya.



PETUGAS melakukan kerja-kerja pembersihan di lokasi penemuan 20 tong mengandungi sisa toksik yang dibuang berdekatan Sungai Masai, Pasir Gudang kelmarin.

Tambahnya, walaupun keadaan masih terkawal dan tidak seperti yang berlaku di Sungai Kim Kim, pihak berkuasa harus segera mengatasinya.

"Sebab ia melibatkan makanan. Kalau dah masuk perut risau juga kesannya," katanya.

# THE STAR

# Only the tip of the iceberg

The Star @ 20/3/2019

## Vast Machang Bubok illegal dumpsite one of many such areas

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my



**Waste land:** Bags of a powdery substance being dumped behind abandoned containers in a scrapyard within an oil palm estate in Machang Bubok, Bukit Mertajam.

**BUKIT MERTAJAM:** From the north to the south of Peninsular Malaysia, there seems to be no end yet to the discovery of illegal dumpsites.

Although Penang was the first state to implement the "No Single-Use Plastic" initiative, it has a lot more environmental battles to take on, with illegal disposal of waste becoming a hot issue as of late.

Just three days after the report of chemical waste dumped in an oil palm estate in Bukit Teh here, an illegal plastic dumpsite the size of six football fields has been uncovered in nearby Machang Bubok.

During a visit to the site yesterday, The Star saw mounds of shredded plastic almost two storeys high. Excavators and forklifts were at work unloading more of such waste from trucks.

It is believed that the marshland was previously an illegal sand quarry that had been shut down many years ago.

Besides plastic waste, items such as discarded furniture and construction debris have filled up the pools of water there.

In one corner of the dumpsite, thick black smoke could be seen billowing into the air from open burning of waste.

The illegal plastic dumpsite is about 100m from the oil palm estate where several barrels of waste chemicals were discovered by the authorities three days ago.

A check with the Seberang Prai Municipal Council confirmed that no permits had been issued for dumpsites at the two locations.

Machang Bubok assemblyman Lee Khai Loon said he had filed several reports with the Department of Environment over the last three years after receiving complaints from the public.

However, he added, the dumping activities only increased.

"There must be sufficient enforcement to stop all these acts; then only can we start cleaning up and rehabilitating the place," he said.

Sahabat Alam Malaysia president S.M. Mohamed Idris said the burning of plastic releases persistent organic pollutants, toxic emissions and greenhouse gases.

"When proper protective measures are not in place, neighbouring communities will not be the only ones affected.

"Workers at the dumpsite too will be exposed to dangerous and unjust working conditions.

"This puts lives at risk. This can be very hazardous to young children as well as adults," he said.

It was earlier reported that illegal plastic waste factories, mostly in Selangor, are moving to locations in other states, including Kuantan in Pahang, Pasir Gudang in Johor, Chemor in Perak, and Lukut in Negri Sembilan.

Data from the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry shows that so far, Selangor has the highest number of such premises shut down at 78, followed by Perak (16), Kedah (15), Negri Sembilan (12) and Penang (10).

In July last year, the ministry announced the freezing of plastic waste import permits following serious incidents of pollution in Kuala Langat, Selangor, from illegal factories processing imported plastic waste.

China banned plastic imports in 2018, which led to a number of Chinese companies relocating their operations to Malaysia, with some setting up shop in the country as soon as the Chinese government announced in 2017 its intention to impose the ban.

According to official statistics, the value of imported plastic waste increased from RM274mil in 2016 to RM490mil the following year.

Watch the video
thestartv.com

# Action to be taken against dumpsite operators

**BUKIT MERTAJAM:** Stern action will be taken against those operating an illegal dumpsite in Machang Bubok here.

Seberang Prai Municipal Council (MPSP) president Datuk Rozali Mohamud said they had not issued any licence for the scrapyard.

"The disposal of shredded plastic at the site is deemed illegal.

"I have ordered stern action to be taken immediately.

"Contractors are supposed to dispose their waste at the designated site in Pulau Burung, Nibong Tebal.

"They should learn from the recent chemical pollution in Sungai Kim Kim in Johor and not put the safety of others at stake," he said on Monday.

It is learnt that an enforcement team from MPSP has inspected the site. Today, representatives from several government agencies are expected to conduct checks.

Penang Department of Environment (DoE) deputy director Abdul Aziz Parmin said the department had been monitoring the scrapyard following the discovery of illegally disposed chemicals in a nearby oil palm estate.

"We are still waiting for the report from the chemistry department to determine its source.

"At the same time, we are monitoring the surrounding areas where the waste was found, and this includes the scrapyard.

"We will move in and take action against anyone suspected of carrying out illegal dumping activities.

"However, the issuance of licences and permits to operate such scrapyards falls under the council's jurisdiction," he said.

"Polluters likely to face stiffer penalties": See Page 10



# NEW STRAITS TIMES

WEDNESDAY, MARCH 20, 2019 . NewStraitsTimes



WASTE DISPOSAL WORK

## Blue barrels near Sungai Masai unnerve residents

**JOHOR BARU:** A new site believed to be another chemical waste dumping ground was found along the Johor Baru-bound Pasir Gudang Highway, near Sungai Masai here.

Checks showed waste disposal work being carried out by heavy machinery.

Several workers wearing personal protective equipment (PPE) and clothing were present at the scene.

More than 10 blue barrels were placed by the roadside.

Photographs of workers wearing PPE had gone viral on social media since Monday evening, raising concern among residents.

The new site is about 20km from the pollution-hit Sungai Kim Kim area.

As reporters approached the site, several workers in safety apparel stopped them from taking photos and coming near the scene.

> *As reporters approached the site, several workers in safety apparel stopped them from taking photos and coming near.*

On Monday, residents of Taman Tanjung Puteri Resort expressed fear and concern after several blue barrels, believed to be used as containers of chemical effluents, were found near Sungai Sembilang, about 2km from Sungai Kim Kim.

The site is about 500m from SMK Tanjung Puteri Resort, one of the schools affected by the Sungai Kim Kim pollution last Tuesday. **Bernama**



*Barrels along the Pasir Gudang Highway near Sungai Masai in Johor Baru yesterday.* BERNAMA PIC

# UTUSAN MALAYSIA

PENCEMARAN SISA TOKSIK DI PASIR GUDANG

## Lokasi pembuangan toksik baharu dibersihkan

**PASIR GUDANG 19 Mac** – Kerja-kerja pembersihan sisa buangan dipercayai bahan toksik di Sungai Masai Utama, Taman Rinting di sini berjalan lancar.

Usaha tersebut giat dilakukan melibatkan pelbagai pihak termasuk jentera berat dan petugas-petugas yang lengkap dengan pakaian keselamatan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan itu mendapati lokasi ditutup dalam lingkungan 200 meter yang mana turut dikawal petugas keselamatan dan kontraktor pembersihan.

Turut kelihatan beberapa jengkaut yang digunakan untuk mengorek dasar sungai dipercayai mendapatkan sampel bahan tercemar yang telah dibuang.

Bahagian lain pula, petugas menemukan sebahagian daripada bahan tersebut sebelum dimasukkan semula ke dalam tong biru untuk diuruskan pihak bertanggungjawab.

Difahamkan, kawasan lokasi pembuangan sisa bahan tercemar itu adalah paya bakau di Sungai Masai Utama yang mana turut mempunyai jajaran terus ke Selat Tebrau.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Osman Sapian sudah mengarahkan Jabatan Alam Sekitar Johor (JAS) untuk menyiasat pembuangan bahan toksik itu dengan segera.

"Saya juga telah mengarahkan pasukan dan agensi keselamatan seperti bomba dan penyelamat serta polis untuk menutup kawasan tersebut.

"Sehingga laporan yang lengkap diperoleh daripada JAS, kawasan tersebut hendaklah ditutup sepenuhnya sehingga kerja-kerja pembersihan, kawalan dan penyiasatan dijalankan," katanya dalam satu kenyataan di sini malam semalam.




SISA-SISA kimia dimasukkan ke dalam tong ketika kerja-kerja pembersihan Sungai Masai di Pasir Gudang, Johor, semalam. – UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN



# HARIAN METRO



>>*Jumlah pesakit mendapatkan rawatan di dua hospital semakin* ***berkurangan***

**RACUN SUNGAI KIM KIM**



PETUGAS SE Resources Sdn Bhd mengambil sampel tanah bagi memeriksa tahap udara, air, dan tanah di Sungai Kim Kim, semalam.

# Risau penyakit serius

## ■ KKM buat kajian kohort bersifat jangka panjang pantau tahap kesihatan mangsa

**Mohamad Hussin**
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Kebimbangan mangsa pencemaran gas kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor mengenai tahap kesihatan mereka termasuk penyakit serius seperti barah mendorong Kementerian Kesihatan (KKM) menjalankan kajian kohort bersifat jangka panjang.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kajian berkenaan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat bagi memantau perkembangan kesihatan mangsa.

Beliau berkata, kajian ini akan dilaksanakan dalam tempoh segera sebaik saja pihak KKM memperoleh segala maklumat penting berkaitan pencemaran terhadap mangsa yang terbabit.

"Inisiatif ini dilakukan kerana terdapat mangsa yang khuatir pendedahan kepada pencemaran toksik berkenaan boleh mengundang kepada penyakit serius seperti barah dan sebagainya.

"Selepas kami dapat segala data berkaitan, kami akan teliti protokolnya, metodologi dan kenal pasti siapa penyelidik perubatan berkelayakan baharu kita akan laksanakan inisiatif ini.

"Perkara itu lebih mudah kerana maklumat setiap mangsa ada dalam pangkalan data kementerian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sidang Kemuncak Transformasi Pusat Penjagaan Kesihatan ASEAN 2019 di sini, semalam.

Dr Dzulkefly berkata, beliau sebagai Menteri Kesihatan bersedia melakukan satu kajian kohort terhadap kumpulan mangsa yang terbabit bagi memantau tahap kesihatan mereka dalam jangka masa panjang.

Selain itu, katanya jumlah pesakit mendapatkan rawatan di dua hospital akibat pencemaran gas kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor semakin berkurangan apabila merekodkan hanya 46 berbanding 131 pesakit sebelum ini.

"Jumlah pesakit yang ditahan di wad Hospital Sultan Ismail (HSI) adalah 32 individu manakala 14 pesakit mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru.

"Hingga jam 12 tengah malam tadi (kelmarin), seramai 304 individu mendapatkan rawatan pesakit luar dan 15 daripadanya ditahan untuk rawatan lanjut.

"Bagaimanapun, jumlah pesakit ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) hanya empat pesakit berbanding lapan orang sebelum ini," katanya.

Menurutnya, Pusat arahan KKM yang beroperasi di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), turut mendapati tiada pesakit mendapatkan rawatan bantuan pernafasan.

"Saya kesal dengan laporan dua media yang menyiarkan laporan bahawa saya mengatakan bahan kimia di Sungai Kim Kim tidak mempunyai kesan kronik terhadap rakyat di negeri itu.

"Saya tidak kata begitu dan harap media terbabit memperbetulkan laporan berkenaan.

"Tolonglah saya kena 'pukul' teruk berhubung laporan itu, " katanya.



# SINAR HARIAN





PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM

FOTO: RAJA JAAFAR RAJA ALI

## Sungai Masai pula tercemar?

*Penemuan tong sisa kimia cetus kebimbangan penduduk*

SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG

Penemuan beberapa tong bahan mencurigakan dipercayai sisa tercemar di Sungai Masai, di sini, menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat.

Perkara itu turut mengejutkan perkampungan nelayan berhampiran yang mana sejak sekian lama menyangkakan pencemaran di sungai itu adalah berpunca daripada sisa kumbahan.

Penduduk Kampung Pasir Gudang Baru, Nurul Suhadah Abdullah, 32, berkata, sejak mendiami kawasan tersebut beberapa tahun lalu, keadaan air di sungai itu memang gelap dan ada kalanya mengeluarkan bau busuk.

"Saya ikut suami duduk sini dah 10 tahun, tetapi dalam tempoh itu memang keadaan sungai di sini sudah teruk, tetapi sejak kebelakangan ini lebih ketara.

"Ditambah dengan pembuangan tong di sungai ini, memang kita rasa tidak selamatlah sebab tidak tahu apa di dalamnya," katanya kepada Sinar Harian.

Sementara itu, nelayan, Taha Mokmen, 79, berkata, keadaan sungai yang begitu teruk dalam tempoh beberapa tahun ini memaksa nelayan keluar daripada kawasan sungai untuk mendapatkan hasil laut yang lebih lumayan.

"Saya turun ke laut sejak 1968, memang jauh bezanya dulu dengan sekarang. Pencemaran itu memang ada tetapi tak sangka pula melibatkan bahan kimia macam ini.

"Kita tahu yang sebelum ini berpunca daripada sisa kumbahan tetapi bila ada bahan kimia macam ini, risau juga. Patut ikan semua tak naik," katanya.

Justeru, Taha berkata, meskipun keadaan sungai tidak begitu membahayakan seperti yang berlaku di Sungai Kim Kim, baru ini, pihak berkuasa harus membuat sesuatu agar perkara ini diatasi sebaiknya.

"Sekarang sungai ini tak lah sampai ada gas beracun, cuma kalau kering bau busuk yang naik.

"Ia juga melibatkan hasil tangkapan kami, benda makan itu, kalau dah kena kimia kami risau benda lain pula jadi," katanya.

Terdahulu, media melaporkan beberapa tong kosong ditemui di Sungai Masai, dipercayai mengandungi bahan tercemar.

Kampung Nelayan di Kampung Pasir Gudang Baru yang terletak kira-kira 500 meter dari tempat pembuangan bahan tercemar.

TAHA

NURUL SUHADAH

Lumpur yang dipercayai bahan tercemar diangkut untuk dimasukkan ke dalam tong biru di Sungai Masai.

### Lagi sungai jadi tempat buang sisa kimia

JOHOR BAHRU - Satu lagi lokasi baharu dipercayai menjadi tempat pembuangan sisa kimia ditemui di tepi Lebuhraya Pasir Gudang menghala ke johor Bahru, berdekatan dengan Sungai Masai, di sini.

Tinjauan mendapati terdapat kerja-kerja mengangkat sisa-sisa buangan oleh dua jentera berat serta kehadiran ramai pekerja lengkap berpakaian keselamatan peribadi (PPE) dan topeng penutup muka di kawasan berkenaan.

Terdapat lebih 10 tong biru disusun di tepi jalan lebuh raya berkenaan.

Sebelum ini, gambar-gambar pekerja berpakaian PPE menjadi tular sejak petang kelmarin sehingga menimbulkan kebimbangan baharu penduduk sekitar susulan dari kes pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang.

Lokasi baru itu berada kira-kira 18 hingga 20 kilometer dari terjadinya kes pencemaran Sungai Kim Kim.

Ketika menghampiri lokasi berkenaan, beberapa petugas berpakaian oren bertindak menghalang pihak media daripada mengambil gambar dan membuat liputan.

Semalam, penduduk Taman Tanjung Puteri Resort bimbang selepas penemuan beberapa tong biru dipercayai digunakan untuk membuang sisa bahan kimia, di Sungai Sembilang, kira-kira dua kilometer dari Sungai Kim Kim.

Lokasi itu berada kira-kira 500 meter dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort, antara sekolah yang turut dilanda simptom 'Kim Kim'. - *Bernama*

*info*

**Sejak mendiami kawasan tersebut beberapa tahun lalu, keadaan air di sungai itu memang gelap dan ada kalanya mengeluarkan bau busuk: Nurul Suhadah**

### Tindakan tepat lanjut penutupan sekolah

PASIR GUDANG - Pengumuman Kementerian Pendidikan yang melanjutkan penutupan semua sekolah di Pasir Gudang sehingga cuti penggal kali ini merupakan keputusan tepat.

Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih, Abd Rashid Ahmad berkata, arahan tersebut juga dilihat adalah langkah terbaik untuk mengelakkan perkara tidak diingini berulang lagi.

"Kita beri sokongan penuh, selepas ini kita tahu yang sekolah akan boleh dibuka bila keadaan betul-betul selamat. Tidak berlaku lagi kejadian seperti sebelum ini.

"Selain itu, ia juga memberi peluang kepada pihak berwajib untuk melakukan kerja-kerja pembersihan," katanya.

Abd Rashid berkata, meskipun sekolah tutup dalam tempoh yang panjang, proses pendidikan pelajar masih diteruskan menerusi pelbagai medium lain.

"Tak perlu risau pelajar tertinggal, kaedah pembelajaran kita masih teruskan menggunakan talian dan sebagainya. Pelajar juga diberikan latihan di rumah melalui aplikasi sosial," katanya.

Sementara itu, ibu kepada tiga pelajar SK Pasir Gudang 3, Nor Salimah Wimen berkata, apa pun keputusan diumumkan kerajaan pihaknya yakin kerajaan sudah meneliti baik buruknya.

"Sebarang kemungkinan berlaku ada baik dan buruknya, sebagai ibu bapa kita hadapinya sebagai proses membesarkan anak-anak ini.

"Situasi seperti ini kita pun tak boleh jangka. Sekolah tutup, anak-anak tertinggal itu tak dapat dielakkan, yang penting sekarang kesihatan dan keselamatan anak-anak lebih utama," katanya.

ABD RASHID

NOR SALIMAH

